

15/10/2003

Golongan kaya Arab tidak prihatin kesengsaraan ummah

Mohd Azlan Jaafar

HOTEL Burj Al Arab di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) berdiri teguh setinggi 312 meter menghadap Teluk Arab. Hotel tertinggi di dunia itu, hanya 60 meter lebih rendah berbanding Bangunan Empire State di New York, adalah hotel mewah yang mengangkat makna perkataan "kemewahan" ke peringkat baru.

Dengan 202 bilik termasuk suite presiden dan diraja, ia hotel termahal di dunia. Hotel itu bukan saja testimoni kejuruteraan canggih tetapi menunjukkan kekayaan yang melimpah di bumi Arab.

Ia juga "syurga permainan" penduduk bumi Anbia yang kaya. Satu malam di hotel ini mencecah hampir AS\$2,000 (RM7,600) manakala suite diraja dikatakan mencapai sehingga AS\$7,000 semalam.

Ketika yang kaya menikmati pemandangan Teluk Arab, 2,099 kilometer ke barat laut Dubai, iaitu Baitulmaqdis, Semenanjung Gaza dan Tebing Barat, setiap hari dihantui bunyi kereta perisai Israel, letupan dan dentuman runtuh rumah, penduduk ditembak dan serangan berterusan jet pejuang Israel.

"Masalah dengan kebanyakan warga Arab adalah kekayaan mereka yang melimpah. Sebahagian besar mereka adalah kaya dan cuma suka berseronok," kata seorang warga Iran berusia 40 tahun dari Teheran.

"Mereka cukup kaya sehingga tidak mengejar kedudukan untuk menjadi menteri atau pemimpin politik seperti di Malaysia. Wang hasil minyak sudah cukup," katanya.

Ini punca sebahagian besar penduduk Arab tidak mempedulikan apa yang berlaku di beberapa negara seperti di Iraq dan Palestin.

"Selagi kekayaan yang mereka kecapai tidak tergugat, apa yang berlaku di sekeliling mereka termasuk penderitaan rakyat Palestin dan Iraq tidak penting," katanya.

Sikap mengekalkan 'status quo' kekayaan yang ada, kebanyakan diperoleh dari hasil minyak yang dijual kepada Amerika Syarikat, menyebabkan banyak negara Arab tidak mahu melakukan perkara yang akan mencurahkan pasir ke dalam periuk nasi mereka.

Ini dilihat daripada kegagalan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mencapai kesepakatan dalam tindakan yang boleh diambil termasuk membantu Palestin. Wakil Palestin masih mempunyai kepercayaan terhadap OIC.

Bagaimana keupayaan Malaysia memujuk negara Arab untuk melihat dan bersetuju dengan pandangannya yang mahu tindakan konkrit adalah cabaran terbesar dihadapi sebagai pengerusi OIC baru.

Apa yang dapat diberikan Malaysia kerana kebanyakan negara yang cenderung kepada Barat ini adalah berganda lebih kaya berbanding Malaysia.

Ketika ini Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar sedang cuba memenangi hati perwakilan negara Arab yang penting. Persetujuan negara terbabit dalam mengenakan sebarang tindakan sama ada membabitkan isu Iraq atau Palestin akan memberikan OIC lebih "taring" untuk bertindak dengan berkesan.

Syed Hamid sudah menyatakan bahawa Malaysia tidak melihat kepada bentuk tindakan besar, sebaliknya langkah praktikal serta boleh diterima semua anggota.

Seorang wartawan Arab menyarankan langkah kecil deklarasi OIC - "Beli Barangan Amerika Akhir" bagi menyatakan bantahan terhadap ketidakadilan yang ditunjukkan Amerika terhadap bumi Arab.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah melaksanakan dasar beli barangan Britain akhir.

Ini adalah langkah kecil tetapi kesannya adalah besar terutama bagi pertubuhan yang mewakili 1.3 bilion ummah. Yang lebih penting, ia menunjukkan kesepakatan masyarakat Islam, termasuk yang kaya.